

S.K BAG

Zuria D, Goh BT, Che Suraya J, Duratulhanani Z
Unit Kejururawatan, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis



QLL
120

1 PENGENALAN

Dokumen "Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Keselamatan Rekod Perubatan Pesakit di Fasilitas Kementerian Kesehatan Malaysia" merangkumi tatacara pengendalian Rekod Perubatan Pesakit (RPP) fizikal yang perlu dipatuhi oleh semua pengamal kesihatan, termasuk keselamatan rekod pesakit semasa memindah atau menghantar RPP dari satu lokasi ke lokasi yang lain. *S.K Bag* adalah inovasi dalam kategori produk yang bertujuan untuk menambahkan proses kerja ketika penghantaran RPP bersama pesakit ke destinasi yang hendak dituju, terutamanya dari segi keselamatan dokumen.

2 METODOLOGI

Inovasi ini teretus daripada kesedaran bahawa tiada tempat penyimpanan yang sesuai untuk RPP semasa ia dihantar bersama dengan pesakit, sama ada ke klinik atau dewan bedah. RPP terpaksa diletakkan di atas riba atau sebelah paha pesakit dalam kerusi roda, yang menyekat tempat duduk pesakit dan juga menjejaskan keselamatan serta kerahsiaan RPP. *S.K Bag* direka dengan menggunakan bahan yang mudah didapati dan murah. Cara penggunaannya amat mudah dan fleksibel, di mana ia hanya perlu digantung di bahagian belakang kerusi roda atau di sisi pagar stretcher pesakit mengikut keperluan situasi pesakit.



3 HASIL KAJIAN

Penggunaan *S.K Bag* dapat meningkatkan tahap keselesaan pesakit serta menambah keyakinan mereka kerana kerahsiaan dan keselamatan RPP terpelihara. Penggunaan produk ini telah dapat melancarkan dan memudahkan proses kerja kerana *S.K Bag* amat fleksibel. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kos pembelian beg kitar semula yang kurang berkualiti dan mudah rosak. Hasil dari soal selidik yang dijalankan di kalangan staf yang telah menggunakan *S.K Bag* ini menunjukkan bahawa kaedah penggunaan *S.K Bag* adalah lebih praktikal dan selamat.

S.K Bag telah didaftarkan paten/pembaharuan utility menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO)

APPLICATION NO: UI2023002137

4 PERBINCANGAN

S.K Bag telah berjaya menyumbang kepada peningkatan perkhidmatan dan keselamatan dokumen, malah ia berpotensi untuk diperluaskan penggunaannya ke semua fasiliti kesihatan pada masa hadapan. Kos anggaran bagi *S.K Bag* adalah sebanyak RM40.00. Produk baru yang terhasil dari projek inovasi ini dapat meningkatkan tahap keselesaan pesakit serta menjamin kerahsiaan dan keselamatan RPP.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Kesihatan Negeri Perlis (Dr Ismuni Bin Bohari), Pengarah Hospital Tuanku Fauziah (Dr Nur Aslina Binti Bahakodin), Ketua Penyelia Jururawat Negeri (Lim Ai Choo), Unit Kualiti HTF dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

RUJUKAN

1. "Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Keselamatan Rekod Perubatan Pesakit di Fasilitas Kementerian Kesehatan Malaysia"